

ASEAN PERLU MESYUARAT MENTERI EKONOMI

Mahathir - ASEAN

I

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ASEAN perlu mewujudkan Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri bagi Mesyuarat Menteri Ekonomi sebagai forum bagi mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota kumpulan itu.

Perdana Menteri berkata mesyuarat itu hendaklah selaras coraknya dengan Mesyuarat Tahunan Peringkat Menteri ASEAN, dengan mempunyai perwakilan pada peringkat tinggi.

+ Pada masa ini hal-hal ekonomi diliputi pada Mesyuarat Menteri Luar (ASEAN) tetapi memandangkan perkara ekonomi sudah menjadi semakin rumit, kami berpendapat soal-soal ekonomi hendaklah dibincangkan hanya oleh menteri ekonomi. Kerana itulah forum sedemikian perlu diwujudkan, kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kongres ASEAN yang pertama, anjuran ASEAN dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) di sini.

Dr Mahathir berkata beberapa perkara ekonomi perlu diberi pertimbangan yang terperinci dan hanya menteri ekonomi yang lebih sesuai untuk membangkitkan masalah yang mungkin timbul apabila keputusan perlu dibuat.

-- Lagi.

▼08/10/19-58MST

CNS3920

U.GB 08-10 00171 BA989

aab

Mahathir - ASEAN 2 Kuala Lumpur

I

+ Menteri-menteri luar mungkin membuat keputusan yang berasaskan kepada perhubungan poli tik tetapi tidak kepada kepentingan ekonomi, + katanya.

• Dalam ucapannya pada pembukaan kongres selama empat hari ini, Dr Mahathir berkata dengan wujudnya forum seumpama itu, institusi dan jentera sokongan lain yang berkaitan dengan kerjasama ekonomi ASEAN, boleh diperkukuhkan lagi.

Satu langkah permulaan sudah dibuat dengan memperkukuhkan Sekretariat ASEAN, katanya. Banyak lagi boleh dilakukan dalam lapangan-lapangan mengenai usahasama dan memperkukuhkan kerjasama kewangan.

Dr Mahathir berkata ASEAN perlu melakukan tindakannya dengan penuh tenaga dan semangat negarawan untuk menguatkan kedudukannya dalam lingkungan ekonomi rantau Asia Timur di samping mengekalkan atau meningkatkan lagi hubungan dengan blok Eropah Barat dan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

Dalam tempoh 25 tahun akan datang, kata Perdana Menteri, usaha perlu dilakukan untuk terus memperkuat lagi kesepaduan dalam Asean. Walaupun ASEAN menjangka konsep ekonomi sejagat semakin meluas, kumpulan serantau itu juga perlu bersedia menghadapi pengukuhan integrasi dalam tiga ekonomi serantau yang utama. -- Lagi.

▼08/10/13-31MST

CNS394I

U GB 08-10 00194 BA990

aab'

Mahathir - ASEAN 3 Kuala Lumpur

I

Rantau ekonomi itu ialah Eropah Barat, NAFTA dan rantau ekonomi Asia Timur yang sudah mempunyai integrasi yang kuat.

Berpandukan kepada kadar-kadar pertumbuhan yang, dicapai pada dekad yang lepas, menjelang tahun 2017 Asia Timur berkemampuan mericapai Keluaran Negara Kasar yang jauh lebih besar daripada Eropah Barat.

Memadangkan hal ini, kata Dr Mahathir, maka sangat lab perlu sistem perdagangan sedunia sekarang dibuka, diperluaskan dan diperkukuhkan lagi. Juga sangat perlu dipastikan agar semua rantau ekonomi yang terjalin itu men jadi proses bagi meningkatkan usaha kerantauan yang terbuka.

Jika Eropah Barat, Amerika dan Asia Timur membentuk tembok masing-masing, ia merupakan perkara malang bagi semua negara, katanya.

Dr Mahathir berkata ASEAN baru-baru ini telah mengambil langkah besar ke hadapan dalam kerjasama ekonomi dengan mencapai persetujuan bagi Tarif Istimewa Sama Rata (CEPT) yang akan membawa kepada penutupan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN yang d'icadangkan itu dalam masa 15 tahun lagi.

ASEAN hendaklah memastikan CEPT berjalan lancar supaya proses melonggarkan perdagangan akan selesai dalam tempoh 15 tahun, walaupun Malaysia berharap AFTA akan menjadi kenyataan dalam masa yang lebih singkat, katanya. -- Lagi.

▼08/10/13-56MST

CNS3963

U GB 08-10 00123 BA991

a a b

Mahathir - ASEAN 4 Kuala Lumpur

Dalam dunia yang corak perhubungan antarabangsanya ditehtukan oleh pertimbangan ekonomi, kegagalan untuk mempunyai program ekonomi yang berkesan, bermakna dan boleh dilaksanakan yang menjaminn kepentingan semua pihak, akan hanya melemahkan ASEAN, bukan menjadikannya kuasa ekonomi yang besar, tambah Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai hubungan ASEAN - Kesatuan Eropah (EC) berkaitan dengan krisis kewangan di Eropah baru-baru ini, beliau berkata ada pengajaran yang patut diambil daripadanya.

Satu daripadanya ialah bahawa sesebuah negara tidak boleh mengamalkan cara hidup yang melebihi kemampuannya.

Mereka juga tidak boleh mencapai kejayaan dalam ekonomi melalui manipulasi kadar faedah dan pertukaran mata wang atau cuba menghalang pertumbuhan negara sedang membangun, katanya. -- Lagi.

▼08/10/14-30MST

U GB 08-10 00086 BA992

a a b

Mahathir - ASEAN 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata masalah dalam ekonomi Eropah ialah kadar upah Yang terlalutinggi sedangkan pelaburan semakin menurun, kerana tiada siapa Yang mahu membayar upah yang tinggi kepada pekerja.

Satulagi faktornya ialah pengangguran, katanya.

+Sesetengah tempat mengalami pengangguran sehingga 20 peratus, dan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk bayaran faedah pengangguran. Ini melemahkan ekonominya. Jika kita mengalanri pengangguran 20 peratus di sini, revolusi boleh berlaku, + katanya. -- Bernama.